



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 48 / 2023

PENGELUARAN KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRK DUN) N.67 JEPAK, SARAWAK

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengeluarkan sebanyak **tujuh puluh tiga (73) kertas undi pos** kepada yang berhak untuk mengundi secara pos bagi PRK DUN N.67 Jepak, Sarawak. Pengeluaran kertas undi pos pada **23 Oktober 2023 (Isnin)** dilakukan oleh Petugas Pilihan Raya yang dilantik Pegawai Pengurus.
2. Bagi PRK DUN N.67 Jepak, Sarawak; kertas undi pos telah dikeluarkan adalah terdiri daripada **tujuh puluh (70) Kategori 1A** (Petugas Pilihan Raya, dan Anggota Polis), **satu (1) undi pos bagi Kategori 1B** (warganegara Malaysia yang tinggal di luar negara), serta **dua (2) Kategori 1C** (Agensi dan Organisasi).
3. Kesemua anggota polis terlibat dalam PRK ini telah dikeluarkan kertas undi pos. Oleh itu, **TIADA pusat mengundi awal akan dibuka pada 31 Oktober 2023 (Selasa) nanti.**
4. Proses pengeluaran kertas undi pos ini dijalankan dengan kehadiran **ejen undi pos daripada calon-calon yang bertanding.**

5. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos supaya membuat penandaan pada kertas undi, mengisi dengan lengkap dan betul borang Perisytiharan Identiti (Borang 2) serta segera mengembalikannya kepada Pegawai Pengurus berkenaan **sebelum pukul 5:00 petang** pada Hari Mengundi iaitu pada **4 November 2023 (Sabtu)**.

6. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa **menjaga kerahsiaan undi** masing-masing dengan tidak merakam gambar kertas undi pos dan menularkannya di laman media sosial.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

24 Oktober 2023 / 9 Rabiulakhir 1445H